

TAFSIRAN FIQH SYEIKH ABU BAKAR AL-ASHAARI: SATU ANJAKAN PARADIGMA

Nornajwa Ghazali* & Mustaffa Abdullah**

ABSTRACT

Sheikh Abu Bakar al-Asha'ari was one of the Salafi activists. Some of his views regarding Islamic law had created uneasiness to muslim society in Malaysia in the early 1960s. Therefore, this article attempts to scrutinize his views of fiqh issues as well as on his controversial fatwas and to evaluate its relevancy to the current situation in Malaysia.

Keywords: *Islah, Taqlid, Ibadah, Fatwa*

PENDAHULUAN

Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari merupakan seorang tokoh gerakan islah yang amat gigih menyeru masyarakat agar kembali kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau menyeru umat Islam kepada satu bentuk pemikiran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* tanpa bertaklid kepada mana-mana mazhab. Beberapa pandangan dan tafsiran islah beliau khususnya yang menyangkut persoalan fiqh berlainan dengan pandangan ulama beraliran Kaum Tua. Justeru, ia menjadi isu hangat yang dipolemikkan dalam masyarakat. Artikel ini cuba membincangkan tafsiran

* Lecturer at Perak Matriculation College, nornajwa@yahoo.com.

** Associate Professor at Department of al-Qur'an and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, mustaffa@um.edu.my.

fiqh tersebut dalam rangka untuk menilai sejauh mana relevansinya dengan keperluan hidup masyarakat Islam dan kehendak zaman.

Biografi Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari

Nama sebenar beliau ialah Abu Bakar bin Shaari. Penampilan dan ketokohan yang ada pada diri beliau sekembalinya dari Mesir menyebabkan beliau dikenali sebagai Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari.¹ Beliau yang berketurunan Bugis bukanlah anak tempatan negeri Perlis. Syeikh Abu Bakar dilahirkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1904.² Bapanya bernama Shaari bin Musa dan ibunya bernama Fatimah. Bapa beliau telah berhijrah ke Pulau Pinang kerana meneruskan khidmatnya sebagai pegawai polis.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Chowasatra yang terletak di Pulau Pinang sehingga darjah lima, kemudian melanjutkan pelajaran ke Anglo Chinese School Pulau Pinang. Dorongan peribadi dan minat untuk menguasai Bahasa Arab telah menyebabkan beliau beralih ke bidang Bahasa Arab lalu melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Agama al-Masyhur, Pulau Pinang.³ Seterusnya beliau melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar selama tujuh tahun bermula dari tahun 1925 hingga 1932.⁴ Beliau telah berjaya memperolehi Ijazah Undang-undang Islam dari Universiti al-Azhar dan digelar dengan Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari.⁵

Sekembalinya dari Mesir, beliau mengambil keputusan untuk ke Balik Pulau, Pulau Pinang dengan hasrat murni untuk mencurahkan bakti di situ. Walau bagaimanapun fahaman dan pandangan yang dibawa oleh beliau tidak diterima oleh masyarakat setempat menyebabkan terpaksa berhijrah ke Kedah.⁶

¹ Temubual Nornajwa Ghazali bersama anak Syeikh Abu Bakar, En Rustum bin Abu Bakar pada 30 November 2006 di rumah beliau di no. 9, Jalan Dato' Wan Ahmad, 01000 Kangar, Perlis.

² Mohd Yaakub @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), "Pengaruh Pemikiran Muhammad 'Abduh Dalam Gerakan Islam Di Malaysia", dalam Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*, Selangor: Dewan Pustaka Salam, h. 113.

³ Ketika al-marhum menuntut di Madrasah al-Masyhur Pulau Pinang, guru besarnya pada ketika itu ialah Syed Syeikh al-Hadi, manakala gurunya ialah Syeikh Tahir Jalaluddin, kedua-duanya dikenali sebagai tokoh gerakan pembaharuan di Malaysia. Lihat Quirolazni bt Jaafar (1993), "Ahli Sunnah Wal Jamaah: Dasar dan Aktivitinya melalui Persatuan al-Islah di Perlis", Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 36.

⁴ Mohd Yaakob @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), *op.cit.*, h. 113.

⁵ Dr. Haron Din (1993), "al-Syeikh Abu Bakar al-Ashaari", dalam Ismail Mat, *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 102.

⁶ Temubual En. Rustum, *op.cit.*

Beliau mengambil keputusan untuk berhijrah ke negeri Kedah. Malangnya masyarakat di Kedah juga menolak beliau. Untuk meneruskan kehidupan beliau berniaga kecil-kecilan di Pekan Alor. Di antara barangan yang dijual ialah seperti selipar, kasut kayu serta barang-barang aksesori rumah dan lain-lain.⁷ Ia berlanjutan sehinggalah akhirnya beliau telah dijemput ke Perlis untuk membantu ulama-ulama Perlis mengembangkan Islam di sana.

Di Perlis, beliau telah berkhidmat sebagai sebagai guru agama atau ustaz di Madrasah Alawiyah, Arau.⁸ Memandangkan tugas dan peranannya yang agak terhad di madrasah tersebut beliau ditukarkan sebagai Imam Besar Masjid Negeri Perlis (Masjid Alwi).⁹ Sepanjang bertugas sebagai imam, khutbah Jumaat yang disampaikan oleh beliau adalah bersifat '*up-to-date*' yang dikarang sendiri untuk menyelesaikan masalah masyarakat yang timbul dari semasa ke semasa.¹⁰ Khutbah-khutbah ini telah dijilid dan dinamakan dengan *Khutbah al-'Asriyyah*.

Beliau telah menghasilkan beberapa karya untuk menyampaikan fikrah dan maklumat yang tepat. Di antara karya-karya Syeikh Abu Bakar ialah *Kebebasan Berfikir Dalam Islam, Pergerakan Kaum Wanita Di Alam Islami, Ibadat Rasulullah, Sejarah Anbiya', Jawāhir al-Bukhārī, Sembahyang Rasulullah, Pedoman Ibadah Puasa, Risalah Zakat dan Fitrah Negeri Perlis, Kitab Pedoman Ibadah Puasa Perlis, Punca Penerangan Akal, al-Khutbah al-'Asriyyah, Khutbah-khutbah Moden, Soal Jawab Agama, Media Dakwah Indonesia*, dan *al-Muslimun*.¹¹

Pada hari Isnin, tanggal 6 April 1970¹² jam 6.00 pagi bersamaan 30 Muḥarram 1390 H,¹³ Syeikh Abu Bakar telah kembali ke rahmatullah ketika usianya 65 tahun. Ketika itu beliau ke Port Dickson untuk menziarahi anak perempuannya Firdaus.¹⁴ Jenazah Syeikh Abu Bakar telah dibawa pulang ke Perlis oleh anak-anaknya dan tiba di rumah beliau di Jalan Pegawai, Kangar lebih kurang jam 11 malam untuk dikebumikan.

⁷ *Ibid.*

⁸ Dr. Haron Din (1989), *op.cit.*, h. 103.

⁹ Zakaria @ Mahmood Daud (1996), "Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran dan Perkembangannya", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 5, h. 142.

¹⁰ *Ibid.*, h. 109.

¹¹ Mohd Yaakob @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), *op.cit.*, h. 117. Lihat juga senarai karya-karya beliau di laman <http://www.lib.usm.my.press/moro/GPI/bab4.html>; Mohd Radzi Othman, "Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubungkaitnya Dengan Gerakan Pembaharuan Islam di Negeri-negeri Lain di Dalam Malaysia, pada 12.11.2006.

¹² Mohd Yaakob @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), *op.cit.*, h. 117

¹³ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pena Sdn. Bhd., h. 110.

¹⁴ Firdaus adalah satu-satunya anak perempuan Syeikh Abu Bakar yang masih hidup. Beliau kini berkhidmat sebagai seorang guru di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Temubual En Rustum bin Abu Bakar, *op.cit.*

Jenazah Syeikh Abu Bakar telah diziarahi lebih daripada seribu orang yang terdiri daripada sahabat, anak murid serta pembesar-pembesar negeri termasuk Menteri Besar Perlis ketika itu, Tan Sri Syeikh Ahmad bin Mohamed Hashim. Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Tok Paduka awal pagi Selasa 7 Mac 1970.¹⁵

Tafsiran Fiqh Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari

Tafsiran fiqh yang dikemukakan oleh Abu Bakar al-Asha'ari adalah ringkas dan mudah. Bagi beliau persoalan yang berkaitan dengan akidah dan ibadah perlu disandarkan kepada dua sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru kayu ukur dalam menyelesaikan persoalan fiqh adalah al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi SAW.

Dasar tafsiran fiqh ini dapat dilihat dengan jelas dalam karya-karya yang dihasilkan, contohnya kaifiat solat. Menurut beliau ia perlu dilaksanakan berlandaskan sunnah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Perkara ini diperincikan dalam buku beliau, *Ibadah Rasulullah*.¹⁶ Di dalamnya dimuatkan amalan-amalan solat Rasulullah SAW¹⁷ yang diambil menurut riwayat-riwayat yang *shahih* sahaja, manakala riwayat-riwayat yang *da'if* ditolak sama sekali walaupun dalam urusan *faḍā'il al-'a'māl*.

Syeikh Abu Bakar di dalam mukadimah karya *Ibadah Rasulullah* menyatakan tujuan penulisan buku ini ialah untuk menunjukkan cara-cara sembahyang yang dilakukan oleh Rasulullah SAW.¹⁸ Bagi Syeikh Abu Bakar, cara menunaikan solat mestilah sentiasa diberi penekanan mengikut hujah-hujah dan dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Hadith.¹⁹

¹⁵ Zulfarina Omar (2002/2003), "Manhaj Tafsir Menurut Abu Bakar al-Asy'ari: Tumpuan Kajian Kepada Tafsir Surah al-Naba'", Kertas Projek, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur., h. 117.

¹⁶ Karya ini memuatkan hampir keseluruhan tajuk dalam ibadah solat iaitu bermula dengan penerangan cara-cara wuduk Rasulullah SAW, perbuatan solat menurut Sunnah, penjelasan tentang cara-cara melakukan solat sunat, solat *jama'* dan *qasar* dan lain-lain. Lihat Abu Bakar Ashaari (1957), *Ibadah Rasulullah*, Singapura : T.P.

¹⁷ Cara-cara menunaikan solat menurut riwayat yang *shahih* ini juga adalah merujuk kepada *Kitab Pengajaran Solat* karya Hassan bin Ahmad. Karya ini menjadi rujukan Ahli Sunnah Perlis yang menjelaskan cara-cara Nabi SAW mengerjakan solat dan ibadah-ibadah lain. Keterangan di dalam karya ini hanya diambil dari al-Qur'an dan hadith sahaja. Lihat Hassan bin Ahmad (1954), *Kitab Pengajaran Solat*, Pulau Pinang : Persama Press, h. 1.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Shukor Mat (2001), *As-Sunnah Di Perlis*, Kangar : MediaONE Publications, h. 36

Seruan kembali kepada ibadah solat seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW menerusi karya *Intisari Tafsir Juzuk 'Ammah* diperhalusi dengan lebih mendalam dalam karya *Ibadah Rasulullah* seperti berikut:

- i. Cara mengambil wuduk.²⁰
- ii. Cara menunaikan solat lima waktu seperti lafaz *uṣallī* ²¹ dalam solat.
- iii. Bacaan *bismillāh* secara *jahr* pada waktu-waktu tertentu.²²
- iv. Membaca *al-fātiḥah* di belakang imam.²³

²⁰ Golongan *madhhabiyah* berpendapat air *musta'mal* tidak boleh digunakan untuk mengambil wuduk kerana telah digunakan kurang daripada 2 kolah, dan ketika wuduk, perlulah diniatkan dengan lafaznya sekali, lalu membasuh tangan, kedua muka, kedua belah tangan hingga siku, menyapu sebahagian kepala dengan air dan membasuh kedua kaki hingga ke buku lali. Sebaliknya Ahli Sunnah Perlis menolak sesetengah amalan tersebut berdasarkan hadis Nabi SAW riwayat al-Bukhari dan Muslim. Berdasarkan hadis ini, golongan ini menganggap air *musta'mal* boleh digunakan untuk mengambil wuduk, kerana Nabi SAW terus mencelupkan tangannya ke dalam bejana untuk menyempurnakan wuduknya. Hadis tersebut boleh dilihat dalam al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitāb al-Wuḍū’”, no. hadis 159, c. 3, Arab Saudi: Dār al-Salām, h. 16 dan (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitāb al-Ṭahārah”, no. hadis 39, c. 3, Arab Saudi: Dār al-Salām, h. 719. Penjelasan lanjut lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op.cit.*, hh. 60-61

²¹ Bagi golongan *madhhabiyah* niat memulakan solat dengan lafaz *uṣallī* adalah sunat, sebaliknya golongan Islah berpandangan ia sebagai *bid'ah* kerana Nabi SAW sendiri tidak pernah mengerjakannya, begitu juga sahabat dan para imam-imam mazhab sendiri. Golongan Islah menolak keras pendapat golongan *madhhabiyah* yang mengqiyaskan lafaz haji kepada lafaz di dalam solat kerana ibadah tidak boleh diqiyaskan. Lihat *ibid.*, h. 62. Seorang ulamak *madhhabiyah*, Haji Abu Bakar bin Haji Hassan telah menghasilkan risalah kecil untuk mempertahankan pendapat golongan *madhhabiyah* tentang kedudukan lafaz *uṣallī* yang dianggap *bid'ah* dan merosakkan agama. Haji Abu Bakar bin Haji Hassan berbeza pendapat dengan golongan Islah, di mana beliau berpandangan lafaz tersebut hukumnya adalah sunat. Baginya lafaz tersebut dapat menjauhkan diri daripada lupa apatah lagi bagi orang awam. Kebanyakan yang tidak melafazkannya tidak dapat menghadirkan hati terhadap apa yang diniatkan. Untuk mempertahankan hukum sunat dan tidak *bid'ah* ini, Abu Bakar bin Haji Hassan membawa hadis dari *Sahih al-Bukhari* sebagai hujjah. Lihat penerangan lanjut dalam Haji Abu Bakar bin Haji Hassan (2003), *Kitab Jogan Perikatan Pada Menyatakan Sunat Berlafaz Usalli*, Johor : Khazanah al-Fataniyyah, hh. 2-4.

²² Bagi golongan *madhhabiyah*, *bismillāh* itu adalah sebahagian daripada *al-Fātiḥah*, dan ia hendaklah dinyaringkan di dalam solat *jahr*. Golongan Islah mempersoalkannya berdasarkan beberapa hadis, antaranya hadis riwayat Muslim : “Maka saya tidak mendengar seseorang menjaharkannya”. Hadis tersebut boleh dilihat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Kitāb al-Ṣolāh”, no. hadis 890, c. 3, Arab Saudi: Dār al-Salām, h. 748. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op. cit.*, hh. 62-63.

²³ Golongan Islah berpendapat tidak perlu bagi makmum membaca *al-Fātiḥah* setelah imam membacanya. Pendapat ini berdalilkan surah *Ṣād* (38): 29, manakala golongan *madhhabiyah* berpendapat wajib dibaca dalam solat sama ada dia seorang imam atau makmum. Lihat *ibid.*, hh. 63-64.

- v. Membaca *qunūt* dalam solat Subuh.²⁴
- vi. Lafaz *wa biḥamdih*²⁵
- vii. Solat sunat *qabliyyah* selepas azan yang pertama dalam solat Jumaat.²⁶
- viii. Azan Jumaat sebanyak dua kali.²⁷
- ix. Membaca wirid beramai-ramai serentak sesudah solat.²⁸
- x. Bacaan-bacaan selepas solat tarawih yang tidak *ma'thūr*.²⁹
- xi. Tambahan perkataan *Sayyidinā* pada selawat di dalam solat.³⁰

²⁴ Golongan Islah menolak *qunūt* dengan alasan Nabi SAW tidak pernah membacanya dengan tetap pada solat Subuh, malahan pada waktu-waktu lain dibacanya juga, ini bertentangan dengan pendapat *madhhabiyah* yang mengatakan *qunūt* itu hukumnya sunat. *Ibid.*, hh. 65-66.

²⁵ Bacaan tambahan pada lafaz *wa biḥamdih* di dalam rukuk dan sujud adalah sunat bagi golongan *madhhabiyah*, bagaimanapun Syeikh Abu Bakar menggunakan dalil hadis Ibn Majah dan Abu Dawud untuk menyatakan bahawa tiada tambahan *wa biḥamdih* Hadith tersebut terdapat dalam Abū Dāwud (2000), *Sunan Abi Dawud*, “Kitab al-Ṣalāh”, no. hadis 869, c. 3, Arab Saudi: Dar al-Salam, h. 1287 dan al-Imam al-Hafiz Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Yazid al-Rab‘iy ibn Majah al-Qazwayni (2000), *Sunan Ibn Majah*, “Kitab al-Ṣalāh”, no. hadith 887, c. 3, Arab Saudi: Dar al-Salam, h. 2529. Lihat Abu Bakar Ashaari (1957), *op.cit.* h. 55.

²⁶ Solat sunat selepas azan Jumaat yang pertama dianggap bid‘ah oleh Syeikh Abu Bakar al-Asha‘ari dan rakan-rakannya ditentang oleh Haji Abu Bakar bin Hj Hasan Muar. Lihat Haji Abu Bakar bin Hj Hasan (2003), *Taufan yang Memalui Atas Huraian Haji Tahir al-Minangkabawi Pada Menjawab Akan Perkataan yang Ia Berkata Sembahyang Qabliyyah Jumaat itu Bid‘ah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniah.

²⁷ Solat Jumaat adalah ibadat yang paling banyak terdapat perbezaan di antara golongan Islah dan *madhhabiyah*. Kenyataan di atas bertentangan dengan pemikiran golongan Islah, mereka berpendapat azan Jumaat perlu dilakukan hanya sekali sahaja berdasarkan hadis riwayat Imam al-Bukhārī. Hadis tersebut boleh dilihat dalam al-Bukhārī (2000), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitab al-Jumu‘ah, no. hadis 912, c. 3, h. 71. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op.cit.*, hh. 67-68.

²⁸ Wirid atau zikir dan doa adalah sunat menurut golongan *madhhabiyah* apatah lagi jika dibaca beramai-ramai, tetapi golongan Islah melihat semua yang datang daripada Nabi SAW adalah dengan lafaz *mufrad* dan bukannya lafaz *jama‘*. Lihat *ibid.*, h. 66

²⁹ Pertikaian mengenai solat tarawih ialah pada jumlah rakaat solat tersebut. Bagi golongan *madhhabiyah* jumlah rakaatnya ialah 20 rakaat dicampur dengan 3 rakaat witr menjadi 23 rakaat. Jumlah rakaat bagi golongan Islah pula ialah 8 rakaat diikuti dengan 3 rakaat witr menjadi 11 rakaat semuanya. *Ibid.*, h. 69.

³⁰ Golongan *madhhabiyah* berpandangan bacaan *tahiyat* yang terdapat ucapan selawat kepada Nabi SAW yang ditambah dengan lafaz *Sayyidina* adalah bid‘ah. Lihat *ibid.*, h. 65. Senarai amalan-amalan yang dianggap bid‘ah oleh golongan Islah boleh dilihat juga dalam Abu Bakar Ashaari (1957), *op.cit.*, h. 171. Lihat juga Zakaria @ Mahmood Daud (1997), *op.cit.*, h. 114.

Syeikh Abu Bakar mengutamakan ijtihad dan menolak *taqlīd*³¹ kepada mana-mana mazhab³² fiqh walaupun mazhab itu adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* seperti mazhab Syāfi'ī yang menjadi ikutan ramai umat Islam di Malaysia, atau mazhab Mālikī, Ḥanafī atau Ḥanbalī. Walau bagaimanapun Syeikh Abu Bakar menyatakan boleh *ittibā'*³³ kepada mana-mana mazhab empat yang disokong oleh dalil-dalil yang kuat.³⁴ Persoalan menolak *taqlīd* di dalam *Intisari Tafsīr Juzuk 'Ammā* dibincangkan oleh Syeikh Abu Bakar dalam pentafsiran *Surah al-Kāfirūn* (109:1-6):

*“Hendaklah mereka berpegang kepada kitab Allah S.W.T. dan Sunnah Rasul-Nya. Jika masih ada di antara mereka yang mengutamakan perkataan ulama, maka janganlah bertaklid pada itu dan ini, dan memegang kepada adat istiadat lapuk pusaka nenek moyang terkadang berlawanan dengan hukum Allah dan Rasul.”*³⁵

Pendirian Syeikh Abu Bakar terhadap amalan-amalan solat yang selari dengan sunnah Nabi SAW seperti dalam petikan di atas adalah selari dengan prinsip dan aliran pemikiran beliau.³⁶ Justeru itu untuk menerangkan bentuk-bentuk perlakuan solat Rasulullah SAW yang *ma'thūr*, beliau telah memaparkan beberapa bentuk perlakuan solat yang boleh membawa kepada *bid'ah* yang dijelaskan secara mendalam di dalam buku *Ibadah Rasulullah*. Bagi Syeikh Abu Bakar amalan *bid'ah* yang tersebar dalam masyarakat melalui ibadah solat ini perlu diperangi

³¹ *Taqlid* bererti mengikut pendapat seseorang tanpa pengetahuan dan bukti, bahkan sebagai pak turut semata-mata seperti mengikut datuk nenek moyang tanpa hujah atau mengikut sesuatu pendapat tanpa ilmu. Lihat *ibid.*, hh. 104-105.

³² Syeikh Abu Bakar berpandangan bahawa sikap yang paling banyak di kalangan umat Islam ialah *bertaqlid* atau berpegang kepada suatu mazhab tertentu secara fanatik tanpa merujuk lagi kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Dari segi sejarah, fanatik atau *ta'assub* ini muncul sejak kejatuhan Baghdad pada tahun 1258M di tangan Kaum Mongol atau Tartar. Hakikatnya yang menimbulkan konsep bermazhab tersebut bukanlah imam-imam mujtahid, sebaliknya dilakukan oleh para ulama pengikut mazhab tersebut yang hidup pada abad ke-4 H, iaitu sejak sekian lama ditinggalkan imam-imam mujtahid itu sendiri. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op.cit.*, hh. 84-85.

³³ Pengertian *ittibā'* bagi Ahli Sunnah mengandungi dua makna. Pertama, mengikut apa yang diturunkan oleh Allah SWT melalui wahyu kepada Nabi Muhammad SAW. Kedua, mengikut pendapat seseorang yang disertakan dengan dalil yang kuat sama ada dari ayat al-Qur'an, Sunnah Nabi SAW atau *athar* Sahabat. Lihat *ibid.*, h. 105.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Abu Bakar al-Asha'ari (1962), *op.cit.*, hh. 17-18.

³⁶ Penerangan lanjut, sila rujuk Shukor Mat (2001), *op.cit.*, h. 36.

habis-habisan kerana ia boleh merosakkan akidah, ibadah dan seterusnya membawa kepada kekufuran.³⁷

Sumbangan yang diberikan oleh Syeikh Abu Bakar tidak dapat dinafikan dalam bidang fiqh khususnya perbincangan mengenai menunaikan solat. Hingga hari ini usaha-usaha, untuk membetulkan ibadah terus dilakukan oleh pendukung-pendukung al-Sunnah di Perlis.³⁸ Salah satu daripada badan yang bertanggungjawab ialah Institut al-Sunnah Perlis di Jalan Mata Ayer yang kerap mengadakan kem motivasi solat³⁹ untuk pelajar-pelajar sekolah pada musim cuti sekolah. Pelajar-pelajar ini akan diajar kembali cara-cara wuduk dan solat yang betul menurut Sunnah Nabi SAW.⁴⁰

³⁷ *Ibid.*, h. 17.

³⁸ Muzakarah al-Sunnah, pertama kali diadakan di Pulau Pinang pada tahun 1949 di Sekolah Tinggi Chun Ling, Air Hitam, Pulau Pinang. Ia dihadiri oleh pejuang-pejuang sunnah dari utara Tanah Melayu iaitu dari Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara. Muzakarah tersebut dihadiri seramai 3000 orang termasuklah Syeikh Abu Bakar. Tujuan muzakarah ini adalah untuk mengembangkan ajaran al-Sunnah, pelbagai isu dibincangkan dalam muzakarah tersebut. Hasilnya, Muzakarah tersebut telah menerbitkan sebuah risalah bertajuk *Risalah Penebas Bid'ah di Kepala Batas* yang ditulis oleh Syeikh Tahir Jalaluddin. Risalah memuatkan beberapa isi penting amalan-amalan yang boleh membawa kepada bid'ah. Lihat Shukor Mat (2003), *op.cit.*, hh. 43-44.

³⁹ Temubual bersama Prof. Madya Zulkifli @ Zulkifli bin Abidin, Pengarah Akademik Institut Al-Sunnah Negeri Perlis pada 29.12.2006 jam 12.00 tengahari di Pejabat beliau yang beralamat di JKR 366A, Jalan Sekolah Derma, 01000 Kangar, Perlis.

⁴⁰ Anak-anak golongan al-Sunnah menghadapi dua kemungkinan, Pertama, bagi anak-anak yang kedua ibubapa dan keluarga yang benar-benar mengetahui ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan mereka bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka berkemungkinan akan terus mengamal dan menghayati ajaran tersebut. Mereka terpaksa mengajar dan memberi pengisian yang secukup-cukupnya kepada anak-anak mereka dan menasihati supaya jangan lari daripada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan jangan terpengaruh dengan ajaran di sekolah. Kedua, bagi ibubapa dan keluarga yang kurang pengetahuan di dalam ajaran ini, tambahan pula bagi mereka yang tidak ambil peduli tentang pegangan anak-anaknya dan menyerahkan anak-anak terus melalui pendidikan bermazhab Syafi'i di sekolah, maka anak-anak ini mungkin akan tertarik dengan pengajaran yang diterima di sekolah serta berkemungkinan terpengaruh dengan guru-guru yang bermazhab Syafi'i. Anak-anak ini lambat laun akan melupakan ajaran Sunnah dan tidak mustahil suatu hari nanti mencemuh dan mengkritik ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang dipegang oleh ibubapa mereka. Lihat Zakaria @ Mahmood Daud (1996), *op.cit.*, h. 151.

Syeikh Abu Bakar dan Fatwa Kontroversi

Perjuangan Syeikh Abu Bakar di Perlis telah mendapat perhatian masyarakat umum. Aliran pemikiran yang dibawa oleh beliau dinamakan juga dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* atau dikenali juga dengan gerakan Kaum Muda dan beliau dikatakan membawa 'ajaran baru' atau 'ajaran kaum baru' ke dalam masyarakat Islam Perlis.⁴¹ Tentangan-tentangan yang dihadapinya telah mendorong beliau mengarang beberapa buah buku agama sebagai cara untuk memberi penerangan lebih lanjut kepada pengikutnya. Karya beliau menjadi terkenal apabila terbitnya salah sebuah daripada buku beliau yang bertajuk *Ibadah Rasulullah* yang dicetak pada tahun 1956.

Karya ini telah menggemparkan umat Islam di seluruh Semenanjung Malaysia khususnya di kalangan para ulama. Hampir keseluruhannya menentang pandangan-pandangan beliau yang terdapat di dalam buku tersebut. Kontroversi ini berpunca daripada fatwa beliau yang mengatakan bahawa binatang yang tidak dijelaskan hukumnya di dalam al-Qur'an seperti biawak, katak, mengkarung dan lain-lain halal dimakan.⁴² Keberanian dan ketegasan Syeikh Abu Bakar jelas dapat dilihat daripada pendirian beliau dalam buku *Ibadah Rasulullah*. Fatwa beliau adalah seperti berikut:

“Tiap-tiap barang pada asalnya, mempunyai hukum mubah (boleh dikerjakan). Maksudnya: sekalian macam benda, seperti makanan, minuman, hukum asalnya adalah mubah, yakni boleh. Kecuali kalau ada dalil yang menegahnya, baharu hukumnya menjadi haram, atau lainnya, umpamanya: arak – mubah (boleh diminumkan); babi–mubah; lembu dan kambing–mubah; susu–mubah; labi-labi dan penyu–mubah; biawak, landak dan ular – mubah dan lain-lainnya. Begitulah menurut hukumnya yang asal, lalu kita mencari keterangan agama, mana yang tidak dibolehkan (haram) terdapat keterangan agama bahawa: arak tidak boleh diminum dan hukumnya haram, babi- tidak boleh untuk dimakan, dan hukumnya haram. Adapun lembu, kambing, susu, labi-labi, dan penyu, biawak, landak dan ular, tetap atas hukumnya yang asal, iaitu: mubah. Atau: halal, kerana tidak terdapat satupun dalil yang mengharamkannya”.⁴³

⁴¹ Mohd Yaakub@ Zulkifli Haji Yusoff (1990), *op.cit.*, h. 114.

⁴² Fatwa ini pernah dikeluarkannya ketika mengajar secara sambilan di Madrasah al-Sunnah di Bohor Cicar Perlis, tetapi polemik hanya timbul apabila fatwa ini terbit melalui buku *Ibadah Rasulullah* yang diterbitkan pada tahun 1956. *Ibid.*, h.30.

⁴³ Abu Bakar al-Asha'ari (1957), *op. cit.*, hh. 176-177.

Keberanian Syeikh Abu Bakar terhadap kenyataan fatwa tersebut telah menyebabkan akhbar-akhbar dan majalah-majalah tanahair menjadi pentas forum utama di antara Syeikh Abu Bakar dan alim ulama termasuk di kalangan mufti sendiri yang menentanginya. Namun begitu Syeikh Abu Bakar tetap dengan pendiriannya. Beliau telah mencabar pihak yang berkenaan supaya mendatangkan dalil daripada al-Qur'an atau hadith bagi membuktikan fatwa yang dikeluarkan itu salah. Cabaran ini telah disiarkan oleh akhbar *Berita Harian* 29 Rejab 1377H yang bertajuk: "Perkara Kitab: Pengarangnya Mencabar Ditunjukkan Dalil".⁴⁴

Selain daripada itu, sebagai respons untuk menyambut cabaran tersebut, pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah menyatakan pendirian mereka untuk mengadakan satu perdebatan terbuka bagi membahaskan perkara yang diutarakan di dalam buku tersebut. Walau bagaimanapun Syeikh Abu Bakar melalui *Berita Harian* bertarikh 30 Rabiul Awal 1377 H telah menolak perdebatan tersebut dengan alasan "tidak ada faedah yang dapat diharapkan dari perbahasan mengenai masalah *ijtihādiyyah*".⁴⁵

Fatwa ini juga telah mencetuskan suatu perbahasan yang sengit terutama di kalangan rakan ulama yang bermazhab Syafi'i yang secara jelas mengharamkannya. Implikasi daripada itu, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Sembilan telah mencabar Syeikh Abu Bakar untuk berdebat. Jika tidak, beliau akan membawa perkara itu kepada Majlis Raja-raja Melayu agar diambil tindakan ke atas Syeikh Abu Bakar dengan sekurangnya mengharamkan buku tersebut. Beliau ketika diminta memberi komen tentang hal itu telah menyatakan: "kalau tindakan itu diambil, maka itu adalah sesuatu yang amat bodoh". Kata-kata tersebut disiarkan dalam *Berita Harian* 30 Rejab 1377H.⁴⁶

Setelah perbahasan mengenai perkara ini berlarutan melalui majalah dan akhbar dan tidak ada kata putus untuk mengadakan perdebatan, maka akhirnya buku tersebut telah diharamkan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, termasuklah negeri Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Johor dan lainnya.⁴⁷

Menurut Shukor Mat, sebenarnya Syeikh Abu Bakar bukanlah mengajak orang Melayu memakan katak, ular, biawak dan sebagainya tetapi beliau tidak berani mengharamkan binatang-binatang yang tidak diharamkan Allah dalam kitab-Nya. Kenyataan ini berdasarkan dalil-dalil daripada surah *al-Baqarah* ayat 173, *al-An'ām* ayat 146 dan juga beberapa hadith Rasulullah SAW serta pendapat beberapa ulama Islam termasuk imam-imam mazhab tidak berani berbuat demikian.⁴⁸

⁴⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989) *op.cit.*, h. 104.

⁴⁵ *Ibid.*, hh. 104-105

⁴⁶ *Ibid.*, h. 105.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Shukor Mat (2001), *op. cit.*, h. 24.

Selain daripada itu, terdapat juga fatwa-fatwa lain yang turut menggemparkan tanah air iaitu dalam persoalan zakat fitrah. Beliau membenarkan ianya dikeluarkan dalam bentuk wang atau harganya,⁴⁹ sedangkan amalan biasa ialah mengeluarkannya dalam bentuk makanan.⁵⁰ Begitu juga dengan fatwa pemindahan organ mata dari mayat orang Islam kepada orang Islam yang lain adalah sah di sisi Islam.⁵¹ Manakala wang loteri kebajikan masyarakat tidak boleh digunakan untuk mendirikan masjid dan sebagainya.⁵²

Penulis berpendapat, fenomena ini menunjukkan bahawa Syeikh Abu Bakar adalah seorang ulama yang berani, berpendirian tegas serta bertanggungjawab terhadap pendapat dan fatwa yang dikeluarkan. Beliau menghadapi kontroversi yang telah menimbulkan kekecohan di seluruh Semenanjung Malaysia ini dengan tentangan yang hebat. Ini menunjukkan bahawa Syeikh Abu Bakar bukanlah calang-calang ulama. Beliau mengeluarkan sesuatu fatwa setelah membuat penelitian dan pengkajian yang menyeluruh ke atas fatwa tersebut. Setelah itu beliau akan memegang kepada fatwa tersebut tanpa menghiraukan apa jua bentuk bantahan yang datang.

Tafsiran Fiqh Abu Bakar al-Asha'ari Meniti Zaman

Semasa beliau menghuraikan suatu masalah fiqh yang bersifat semasa, banyak sungutan, tentangan malah kecaman diterima daripada pelbagai pihak khususnya ulama Kaum Tua yang tidak sealiran dengannya. Walaupun begitu, hari ini tafsiran tersebut diakui kebenarannya dan digunakan oleh masyarakat tanpa sebarang prejudis. Contohnya dalam isu zakat fitrah, beliau membenarkan dikeluarkan dalam bentuk wang atau harganya. Amalan ini menjadi kebiasaan di kalangan para petani dan ia juga sudah diakui oleh pihak berkuasa kerana lebih bertepatan dengan keperluan semasa.⁵³

⁴⁹ *Ibid.*; Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 105.

⁵⁰ Baginya zakat dan fitrah itu dapat difikirkan hikmahnya (*ma'qūl al-ma'nā*) iaitu untuk menolong fakir miskin yang mana bukan sahaja boleh diberi di dalam bentuk wang atau harganya, malah kadangkala bentuk harganya lebih bermanfaat bagi si fakir miskin. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 31.

⁵¹ Hujah yang digunakan oleh beliau ialah bahawa Islam adalah agama yang luas dan mengasuh kita mementingkan faedah umum daripada faedah perseorangan. *Ibid.* Lihat juga Shukor Mat (2001), *op.cit.*, h. 23. Lihat juga Mohd Yaakob @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), *op.cit.*, h. 116.

⁵² *Ibid.* Lihat juga Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op.cit.*, h. 107.

⁵³ Mohd Liki bin Hamid (2006), "Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya kepada Ibadat Zakat Padi", dalam Md. Saleh Hj Md. @ Hj. Ahmad *et al.* (eds.), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 208.

Begitu juga dalam isu pendermaan organ. Beliau mengemukakan pendapat yang bersifat merentasi zamannya. Akibatnya ia dilihat janggal dan pelik, lalu ditolak. Namun pandangan beliau kini diterima baik oleh pelbagai pihak.

Menurut ulama terkenal, Dr Yūsuf al-Qaraḍāwī, Islam tidak menghadkan sedekah hanya kepada harta benda, tetapi Islam menjadikan segala perkara yang baik sebagai sedekah. Menderma organ juga adalah termasuk dalam makna sedekah. Bahkan ia adalah sedekah yang mulia dan tinggi kedudukannya kerana organ lebih berharga daripada harta benda.⁵⁴

Justeru, dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 23 hingga 24 Jun 1970, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengharuskan pendermaan organ. Pemindahan mata dan jantung orang-orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan dalam Islam dengan kebenaran pemilikinya. Ia perlu menepati empat pertimbangan yang telah ditetapkan, iaitu; ia berlaku dalam keadaan mendesak dan mustahak bahawa organ penerimanya bergantung kepada organ itu serta pembedahannya difikirkan berjaya; keadaan pemindahan jantung kematian penderma adalah dipastikan sebelum jantung dipindahkan, tindakan-tindakan sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia serta perdagangan organ; dan kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma sebelum pemindahan sebarang organ bagi kematian biasa atau diperolehi daripada keluarga bagi kematian akibat kemalangan.⁵⁵


Di Malaysia, orang Melayu yang mewakili masyarakat Islam adalah yang paling kurang bersedia menderma organ disebabkan oleh pelbagai faktor. Menurut Perunding Nefrologi, Datuk Dr Zaki Morad, mereka menggunakan alasan agama untuk menghalang organ ahli keluarga mereka diambil.⁵⁶

Statistik penderma organ orang Melayu yang umumnya mewakili orang Islam adalah terlalu kecil. Statistik menunjukkan penderma berbangsa Cina sebanyak 64%, India sebanyak 22% dan Melayu hanya 8%. Sedangkan orang Melayu dan Muslim juga mewakili senarai mereka yang memerlukan organ kerana mereka juga sakit seperti kaum-kaum lain.

⁵⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī(1993), *Fatāwā Mu'āṣirah*, c. 2, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', j. 2, h. 532.

⁵⁵ Abdullah Fahim b Ab Rahman (1998), "Peranan Pegawai-pegawai Agama Dalam Rawatan Pemindahan Organ", dalam Dr Ismail Ibrahim (ed.), *Islam dan Pemindahan Organ*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 86.

⁵⁶ Norlaila Hamima Jamaluddin, "Derma Organ Selamat Nyawa" dalam *Berita Harian*, 08 October 2006/ [Http://www.bharian.com.my/Current_News/HM/Sunday/Kesihatan/20061008112858/sun_artrevamp](http://www.bharian.com.my/Current_News/HM/Sunday/Kesihatan/20061008112858/sun_artrevamp).



Sumber: Pusat Sumber Transplan Kebangsaan (NTRC) di Hospital Kuala Lumpur. Statistik sehingga 30 November 2005

Sekiranya pandangan Syeikh Abu Bakar Ash'aari mengenai persoalan ini diterimapakai sejak dari awal dan dihebahkan kepada masyarakat Islam dari semasa ke semasa, pasti masyarakat Islam sudah lama matang dan bersedia menderma organ atau sekurang-kurang tidak mengatakan tidak kepada isu pendermaan organ bagi menyelamatkan banyak nyawa.

KESIMPULAN

Tafsiran isu-isu fiqh yang diperkatakan oleh Syeikh Abu Bakar al-Asha'ari perlu dinilai secara jujur dan ilmiah, kerana padanya terdapat banyak manfaat dan kebaikan. Sebahagian daripada huraian fiqh beliau adalah jawapan dan jalan keluar kepada permasalahan semasa yang dihadapi umat Islam. Beliau mengutamakan sumber al-Qur'an dan al-Hadith dan menolak *taqlīd* kepada semua mazhab fiqh. Beliau menggerakkan ijtihad dan menghasilkan fatwa-fatwa yang selari dengan pemikirannya berasaskan penghujahan ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith.

Jika diamati, perkara-perkara *khilāfiyyah* yang menjadi perselisihan di kalangan umat Islam merupakan rahmat yang besar. Ini kerana fenomena ini akan meningkatkan paradigma serta keprihatinan umat Islam dalam mengambil sesuatu hukum agama dari al-Qur'an dan al-Hadith tanpa *taqlīd* secara membabi buta. Usaha-usaha yang dilakukan oleh Syeikh Abu Bakar melalui buku *Ibadah Rasulullah* ini wajar dihargai.

Selain daripada masalah Sunnah, *taqlīd* dan *bid'ah*, masalah ijtihad⁵⁷ juga merupakan isu besar yang dikemukakan beliau.⁵⁸ Apa yang diutarakan oleh beliau

⁵⁷ Pengertian ijtihad dalam konteks pemahaman *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* dijelaskan secara mendalam melalui kajian Mohd. Radzi Othman (1996), *op.cit.*, hh. 37-48.

⁵⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 29.

ialah satu penerokaan baru dalam bidang ijtihad iaitu mengambil hukum-hukum agama daripada al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa *taqlid* kepada mana-mana mazhab. Syeikh Abu Bakar menginginkan umat Islam bebas menggunakan akal yang akhirnya akan membawa kepada penerokaan bidang ijtihad yang belum diterokai oleh ulama-ulama sebelumnya.⁵⁹

RUJUKAN

- Abdul Kadir al-Mandili (1959), *Sinar Matahari Buat Penyuluh Kesilapan Abu Bakar al-Ashaari*, Misr : Matba'ah al-Anwar.
- Abdullah Fahim b Ab Rahman (1998), "Peranan Pegawai-pegawai Agama Dalam Rawatan Pemindahan Organ", dalam Dr Ismail Ibrahim(ed.), *Islam dan Pemindahan Organ*. Kuala Lumpur: Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah Di Perlis Sejarah Dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Ashaari (1957), *Ibadah Rasulullah*, Singapura : T.P.
- Haji Abu Bakar bin Haji Hassan (2003), *Kitab Jogan Perikatan Pada Menyatakan SunatBerlafaz Uşallī*, Johor : Khazanah al-Faṭāniyyah.
- al-Imām al-Ḥāfiz Abī 'Abd Allah Muḥammad ibn Ismā'il ibn Ibrahīm al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Bukhāri(2000), Arab Saudi: Dār al-Salām.
- al-Imām al-Ḥāfiz Abī al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qusyairy al-Naisābūri(2000), *Saḥīḥ Muslim*. Arab Saudi: Dār al-Salām.
- al-Imām al-Ḥāfiz Abī 'Abd Allah Muḥammad ibn Yazīd al-Rab'iy ibn Mājah al-Qazwayni(2000), *Sunan Ibn Mājah*. Arab Saudi: Dār al-Salām.
- al-Imām al-Ḥāfiz Abī Daud Sulaymān ibn al-Asy'ath ibn Ishaq al-Azdī al-Sijistani(2000), *Sunan Abī Daud*. Arab Saudi: Dār al-Salām.
- Haron Din (1993), "al-Syeikh Abu Bakar al-Ashaari", dalam Ismail Mat, *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan bin Ahmad (1954), *Kitab Pengajaran Solat*, Pulau Pinang : Persama Press.
- Berita Harian, http://www.bharian.com.my/Current_News/HM/Sunday/Kesihatan/20061008112858/sun_artrevamp
- <http://www.lib.usm.my.press/moro/GPI/bab4.html>, Mohd Radzi Othman, "Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian Di Negeri Perlis Dan Hubungkaitnya Dengan Gerakan Pembaharuan Islam Di Negeri-Negeri Lain Di Dalam Malaysia", pada 12.11.2006 .

⁵⁹ *Ibid.*, h. 108.

- Mohd Liki bin Hamid (2006), “Hubungan Budaya dan Hukum: Tumpuan Khusus Terhadap Perubahan Amalan Pertanian Padi di Kedah dan Kesannya kepada Ibadat Zakat Padi”, dalam Md. Saleh Hj Md. @ Hj. Ahmad *et al.(eds)*, *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Yaakub @ Zulkifli Haji Yusoff (1990), “Pengaruh Pemikiran Muhammad ‘Abduh Dalam Gerakan Islam Di Malaysia”, dalam Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, Selangor : Dewan Pustaka Salam.
- Muhammad Tahir Jalaluddin (1932), *Ini Huraian Yang Membakar: Taman Persuraian Haji Bakar Pada Menyatakan Hukum Dua Rakaat Qabliyyah al-Jumūah*, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Marbawiyah.
- Norlaila Hamima Jamaluddin, “Derma organ selamat nyawa” dalam *Berita Harian*, 08 October 2006/
- Quirolazni bt Jaafar (1993), “Ahli Sunnah Wal Jamaah: Dasar Dan Aktivitinya melalui Persatuan Al-Islah di Perlis”, Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suara Al-Islah, Buletin Persatuan Al-Islah Perlis, Bil. 5.
- Temubual bersama anak Syeikh Abu Bakar, En Rustum bin Abu Bakar pada 30 November 2006 di rumah beliau di No. 9, Jalan Dato’ Wan Ahmad, 01000 Kangar, Perlis.
- Temubual bersama Prof. Madya Zolkifli @ Zulkifli bin Abidin, Pengarah Akademik Institut Al Sunnah Negeri Perlis pada 29.12.2006 jam 12.00 tengahari di Pejabat beliau yang beralamat di JKR 366A, Jalan Sekolah Derma 01000, Kangar Perlis.
- Shukor Mat (2001), *As-Sunnah Di Perlis*, Kangar : MediaONE Publications.
- Yusuf al-Qaradawi(1993), *Fatāwa Mu‘āṣirah*, j. 2. c. 2. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ li al- Ṭibā‘ah wa al- Nashr wa al-Tawzī‘.
- Zakaria @ Mahmood Daud (1996), “Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran Dan Perkembangannya”, dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5.
- Zulfarina Omar (2002/2003), “Manhaj Tafsir Menurut Abu Bakar al-Asy‘ari: Tumpuan Kajian Kepada Tafsir Surah al-Naba’ “, Kertas Projek, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.